

Pengaruh konteks situasi terhadap variasi lafaz munada Nabi Muhammad SAW dalam al-Quran

ABSTRAK

Ayat seruan merupakan salah satu gaya bahasa yang digunakan dalam al-Quran. Dalam bahasa Arab ayat seruan dikenali sebagai ayat Nidaø yang mengandungi dua komponen utama yang membina ayat tersebut iaitu kata seru atau adat Nidaø dan orang yang diseru atau munada. Ayat seruan dalam al-Quran ditujukan kepada seseorang yang diseru menggunakan variasi dan pelbagai lafaz. Seruan kepada Nabi Muhammad SAW dikenalpasti menggunakan lima bentuk variasi lafaz yang ditujukan kepada baginda. Justeru, kajian bertujuan untuk menganalisis dan menilai pengaruh konteks situasi terhadap penggunaan dua variasi lafaz munada Nabi Muhammad SAW iaitu al-Rasul dan al-Nabiy. Sarjana Islam terdahulu telah menjelaskan berkenaan kepentingan konteks situasi dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran. Oleh itu, konteks situasi menjadi aspek utama dalam menjelaskan persoalan penggunaan variasi lafaz munada Nabi Muhammad SAW ini. Sampel kajian ayat seruan dianalisis berdasarkan Teori Semiotik Sosial Halliday (1978). Dapatan kajian menunjukkan penggunaan dua bentuk variasi lafaz munada Nabi Muhammad SAW yang dikaji, dipengaruhi oleh aspek konteks situasi terutamanya oleh isu dalam unsur medan wacana. Manakala pelibat wacana sebagai unsur sampingan yang mempengaruhi penggunaannya.

Keyword: Interjection; Variations in language; Social semiotic; Situational context